



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

9 Oktober 2015 / 25 Zulhijjah 1436

Menunaikan Janji Setelah Selesai Ibadah Haji

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا، وَأَنْزَلَ الْقُرْآنَ
لِلْمُتَّقِينَ ذِكْرًا، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ صَلَاةً وَسَلَامًا دَائِمِينَ إِلَى يَوْمِ تَجِدُ كُلَّ نَفْسٍ مَّا
عَمِلَتْ مُحْضَرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Saudara-saudara sidang Jumaat yang dirahmati Allah,
Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah s.w.t., dengan melaksanakan perintahNya dan meninggalkan segala tegahanNya. Semoga ketakwaan ini menghasilkan kebahagiaan dan kesejahteraan yang kekal abadi.

Saudara-saudara sekalian,
Ibadat haji tahun ini sudahpun selesai. Sebahagian jemaah haji telah selamat kembali ke tanah air masing-masing, sementara yang lainnya pula sedang membuat persiapan untuk berangkat pulang. Begitulah juga Baginda Rasulullah s.a.w, yang mengerjakan *Hajjatul Wada'* bersama puluhan ribu kaum

muslimin pada tahun kesepuluh hijrah. Sejurus setelah semua pekerjaan haji disempurnakan, Rasulullah segera berangkat untuk kembali ke Madinah pada tanggal empat belas Zulhijjah.

Saudara,

Tanah suci Makkah adalah bahagian bumi Allah yang paling dicintai Rasulullah s.a.w. Itulah tempat Baginda dilahirkan ibunya dan dibesarkan dengan penuh kasih sayang, dikelilingi saudara mara dan kaum kerabat yang membentuk keluarga besar Baginda. Di Makkah itu, Rasulullah menemui jodohnya dengan Khadijah r.a dan dikurniakan anak-anak.

Makkah juga adalah tempat Rasulullah menerima wahyu yang pertama, dan memulakan tugas menyeru manusia untuk beriman kepada Allah. Oleh itu, Makkah mempunyai tempat yang istimewa di dalam jiwa Baginda Rasulullah s.a.w. Dengarlah sendiri, saudara, ucapan syahdu Baginda ketika hendak meninggalkan Makkah semasa peristiwa hijrah: *“Engkaulah (Makkah) negeri yang terbaik, dan engkaulah negeri yang paling aku cintai. Kalaulah tidak kerana kaumku bertindak mengeluarkan aku daripadamu, nescaya tidak aku tinggal di negeri lain selainmu”*. [Hadith riwayat Imam At-Tirmizi]

Begitulah hebatnya kasih Rasulullah terhadap tanah tempat kelahirannya. Namun, kita dapati juga, betapa Rasulullah s.a.w. segera kembali ke Madinah sebaik sahaja selesai mengerjakan ibadat Haji pada tahun kesepuluh itu. Jangan katakan menetap

terus di Makkah, malah duduk lama sedikit di situ juga tidak. Selesai sahaja tiga hari Tasyriq, Baginda terus pulang ke Madinah keesokan harinya, pada empat belas haribulan Zulhijjah.

Tidakkah Baginda merasa rindu kepada Makkah, setelah sepuluh tahun berhijrah? Pudar dan lenyap sudahkah cinta Nabi saw terhadap tanah tumpah darahnya? Tidak, saudara.

Perasaan cinta terhadap tanah Makkah tetap subur di hati Nabi. Akan tetapi, meneruskan tanggungjawab perjuangan adalah lebih besar dari desakan hati dan perasaan. Menunaikan janji terhadap orang-orang Madinah ternyata lebih utama bagi Nabi dari duduk melayan kenangan suka duka masa lalu.

Ini dibuktikan semasa peristiwa pembukaan Makkah dua tahun sebelum itu. Para sahabat yang berasal dari Madinah menjadi bimbang kalau-kalau Baginda membuat keputusan untuk tidak ikut pulang ke Madinah. Mereka cukup faham betapa mendalamnya rasa cinta Baginda terhadap Makkah. Namun, Baginda mengumpulkan sahabat-sahabatnya yang berasal Madinah itu, dan menegaskan kepada mereka:

كَلَّا إِنِّي عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ هَاجَرْتُ إِلَى اللَّهِ وَإِلَيْكُمْ وَالْمَحْيَا
مَحْيَاكُمْ وَالْمَمَاتُ مَمَاتُكُمْ

Yang bermaksud: *“Tidak samasekali! (Aku tidak akan kembali menetap di Makkah) Sesungguhnya aku ini hamba Allah dan*

rasulNya. Aku telah berhijrah menuju Allah dan berhijrah ke negeri kalian. Hidupku adalah dengan kalian. Matiku juga nanti adalah bersama kalian". Orang-orang Ansar itu lantas mendapatkan Rasulullah sambil menangis kegembiraan. [Hadith riwayat Imam Muslim]

Demikianlah, saudara, komitmen yang ditunjukkan Baginda Rasulullah saw terhadap sahabat-sahabatnya dari golongan Ansar, yang telah berjanji sumpah setia untuk membela dan mempertahankan Baginda, ketika mereka menjemput Baginda untuk berpindah ke Madinah. Orang-orang Ansar yang telah turut mempertaruhkan harta dan nyawa mereka untuk Baginda.

Ternyata, Baginda Rasulullah seorang yang amat menghargai jasa dan bakti orang kepadanya. Apatah lagi bakti yang dicurahkan adalah dalam bentuk pengorbanan yang begitu besar dan mulia. Janji Nabi untuk terus bersama orang-orang Ansar di Madinah tetap dipenuhi, biarpun begitu kuat rasa hatinya untuk kembali ke kampung halamannya. Begitulah sifat murni Rasulullah sebagai tauladan kepada kita semua, antaranya: Pertama; Bahawa kesejahteraan umatnya adalah segala-galanya buat Baginda. Benarlah firman Allah di dalam Surah al-Taubah ayat 128:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا
عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (yaitu Nabi Muhammad s.a.w) yang merasa perit akibat kesusahan yang kamu tanggung, yang terlalu amat menginginkan kebaikan untuk kamu, dan dia menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman”*.

Kedua: Bahawa melaksanakan kewajipan dan menghormati perjanjian adalah lebih utama dari melayan perasaan. Jiwa seorang mukmin tidak boleh dibiarkan lesu dibuai perasaan mahupun kenangan masa silam, sehingga lemah berpanjangan tidak mampu menghadapi ujian dan cabaran. Begitu pula sebaliknya, langkah seorang mukmin juga tidak seharusnya dicorak emosi semata-mata, kerana ia akan mendorongnya untuk bersikap melulu dalam tindak-tanduknya, yang akhirnya akan menyebabkan kebinasaan. Dalam mengusahakan perubahan dan memperbaiki kehidupan, kita diajar untuk bertindak dengan cermat, berpandukan ilmu, akhlak dan prinsip yang jelas.

Ketiga: Bahawa kemuliaan tanah suci Makkah sekalipun tidak akan mengatasi kemuliaan dan hak orang-orang yang beriman. Bahkan, kehormatan diri seorang muslim lebih utama daripada kesucian Kaabah. Diriwayatkan bahawa Rasulullah pernah menghadap Kaabah sambil berkata: *“Salam hormat buatmu, wahai Kaabah. Alangkah agungnya engkau, dan alangkah agungnya kehormatanmu. Namun seorang mukmin*

itu lebih agung kehormatan dirinya di sisi Allah daripadamu. Allah mengharamkan darimu hanya satu (yaitu dari dibinasakan), sedangkan Allah mengharamkan dari orang beriman itu tiga perkara, yaitu nyawanya, hartanya dan sangkaan buruk terhadapnya". [Hadit riwayat Al- Baihaqi]

Subhanallah! Demikian Rasulullah menunjukkan bahawa hak insan beriman itu lebih utama dari tanah Makkah, dan kehormatannya adalah lebih hebat dari kemuliaan Kaabah. Kita sekali lagi, baru dikejutkan dengan berita penahanan dua pemuda Muslim yang berhasrat untuk menyertai pergerakan pengganas ISIS yang kita tahu akan hanya membawa kepada lebih banyak pembunuhan dan pemusnahan nyawa manusia. Oleh itu, bagi mereka yang terdorong untuk menyertai sesuatu perjuangan yang membawa kepada kemusnahan dan pertumpahan darah sesama umat Islam, pertimbangkanlah semula niat anda itu berulang kali, agar anda tidak terjerumus dalam perkara yang tercela di dalam pandangan Allah.

Semoga kita menjadi Umat Nabi saw yang tahu menghargai pengorbanan serta kasih Baginda. Semoga Allah memberikan kita kekuatan jiwa untuk menjadi umat yang berani serta yakin ke hadapan, bukan umat yang lesu dibuai perasaan, atau terkeliru akibat mengikut resah hati secara melulu.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.